



MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA.
BANGUNAN SULTAN ABDUL SAMAD,
JALAN RAJA,
50506 KUALA LUMPUR

Telefon: 03-2939011
Teleks: HAKIM MA 33548
Fax: 03-2932582

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami: (67)dIm.JK/MA 16
Jld.(iii)

Tarikh: 27 September 1997

Hakim Kanan/Hakim
Mahkamah Sesyen
Seluruh Malaysia.

Penolong Kanan Pendaftar
Mahkamah Tinggi Malaya/Sabah dan Sarawak.

Majistret
Mahkamah Majistret
Seluruh Malaysia.

Tuan/Puan

Pekeliling Ketua Pendaftar Bil. 3/1997

Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan Y.A.A. Ketua Hakim Negara memandang berat tentang masalah jerebu yang sedang melanda negara pada masa ini yang berpunca dari aktiviti-aktiviti yang melanggar Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.
3. Adalah dengan ini diarahkan supaya kes-kes yang bersangkutan dengan kesalahan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 yang difailkan di Mahkamah hendaklah disebut atau dibicarakan sehingga selesai dengan segera.
4. Untuk tujuan di atas sekiranya Orang Yang Kena Saman mengaku salah pada hari sebutan kes, maka hukuman hendaklah dibuat pada hari yang sama. Sekiranya pihak pendakwa belum bersedia dengan eksibit atau lain-lain dokumen pada hari tersebut dan memohon penangguhan atau pihak Orang Yang Kena Saman memohon penangguhan atas alasan yang munasabah maka penangguhan hendaklah dibuat dalam masa yang singkat dan tidak melebihi 2 minggu.
5. Sekiranya kes ditetapkan untuk perbicaraan, maka perbicaraan kes hendaklah dimulakan dalam tempoh dua bulan dari tarikh Orang Yang Kena Saman dituduh di mahkamah. Perbicaraan hendaklah dijalankan dari hari ke

- 2 -

hari sehinggalah tamat. Sekiranya terdapat penangguhan perbicaraan maka penangguhan tersebut hendaklah dibuat tidak lewat satu bulan daripada tarikh penundaan dibuat. Penangguhan kes atas alasan yang remeh temeh hendaklah dielakkan.

6. Kesalahan-kesalahan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 adalah merupakan kesalahan-kesalahan yang melibatkan kesihatan orang awam dan dengan itu hukuman yang dijatuhkan hendaklah juga mengambil kira kemudaratan yang ditimpakan ke atas orang awam.


7. Arahan ini juga terpakai ke atas kes-kes di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 yang di rayu ke Mahkamah Tinggi.

8. Kuatkuasa Pekeliling ini adalah serta merta.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(DATO' MUHAMAD IDERES BIN MUHAMAD RAPEE)
Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Kuala Lumpur.

s.k.

Y.A.A. Ketua Hakim Negara
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Kuala Lumpur.

Y.A.A. Presiden
Mahkamah Rayuan Malaysia
Kuala Lumpur.

- 3 -

Y.A.A. Hakim Besar Malaya
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Kuala Lumpur.

Y.A.A. Hakim Besar Sabah dan Sarawak
Mahkamah Tinggi
93506 Kuching
Sarawak.

Y.B. Peguam Negara Malaysia
Jabatan Peguam Negara
Bangunan Bank Rakyat
Jalan Tangsi
Kuala Lumpur.

Pendaftar
Mahkamah Rayuan Malaysia
Kuala Lumpur.

Pendaftar
Mahkamah Tinggi Malaya
Kuala Lumpur.

Pendaftar
Mahkamah Tinggi
93506 Kuching
Sarawak.

Timbalan Pendaftar
Mahkamah Tinggi
88809 Kota Kinabalu
Sabah.

Perpustakaan
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Kuala Lumpur.

Pengerusi
Majlis Peguam Malaysia
No. 5 Jalan Tun Perak
50050 Kuala Lumpur.

Presiden
Persatuan Peguambela Sarawak
The Bar Room, Judicial Department
Jalan Court House
93506 Kuching.



Presiden
Sabah Law Association
3rd Floor, No. 120
Gaya Street
W.D.T. 41488767
Kota Kinabalu.